

# UMS diminta rangka pelan strategik industri kreatif - Musa

UM 28/09/2011 30

KOTA KINABALU 27 Sept. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) diminta merangka pelan strategik yang lebih komprehensif bagi menjadikan industri kreatif sebagai sumber pembangunan ekonomi negeri.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, langkah itu penting memandangkan aktiviti kesenian seperti perfileman berpotensi memberi sumbangan besar kepada pendapatan negeri.

"Ia berjaya dilakukan oleh negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, India, Hong Kong dan Korea. Saya yakin dengan perancangan strategik dan kebolehan kreatif anak-anak tempatan Sabah, kita juga boleh mencapai tahap tersebut," katanya.

Beliau berucap pada Hari Seniman 2011 di Dewan Resital UMS di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Bolkoh Ismail; Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon dan bekas Presiden Persatuan Seniman Malaysia, Datuk Ismail Hutson.

Musa berkata, industri kreatif mampu membantu mempromosikan Sabah sebagai sebuah destinasi pelancongan utama, ditambah lagi dengan kelebihan yang dimiliki se-

perti kemesraan dan keramahan masyarakat pelbagai etnik serta agama yang mampu hidup dalam suasana harmoni.

"Syarikat produksi milik anak-anak tempatan Sabah juga semakin bertambah dan ini bukan sahaja memberi peluang pekerjaan, bahkan juga berupaya menyumbang kepada kepesatan industri kesenian tempatan," katanya.

Dalam pada itu, beliau meminta pelajar dan karyawan filem supaya menggunakan media baru seperti perfileman untuk menerapkan unsur-unsur positif selain meningkatkan lagi kreativiti dan profesionalisme mereka.

Justeru, beliau berharap, penerbitan filem dan dokumentari berkaitan sejarah negeri yang memaparkan perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dan hari ini dapat diterbitkan dalam bentuk filem, animasi dan dokumentari.

"Ini penting bagi membentuk pemikiran dan sikap positif generasi muda dalam membantu pembangunan negara bangsa yang bersatu padu dan berjaya.

"Ia juga untuk mengelakkan peristiwa sejarah disalahtafsirkan demi kepentingan pihak tertentu seperti yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini," katanya.



**MUSA Aman (tengah) diiringi Kamaruzaman Ampon (kanan) dan Ismail Hutson (tiga dari kanan) menandatangani plak kapsul masa sempena Hari Seniman 2011 di Dewan Resital UMS di Sabah, baru-baru ini.**